From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Wednesday, 6 July, 2022 2:33:46 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PENSYARAH MUDA PENENTU MASA DEPAN UNIVERSITI

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

6 JULAI 2022 / 6 ZULHIJJAH 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

PENSYARAH MUDA PENENTU MASA DEPAN UNIVERSITI



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) meletakkan harapan yang tinggi kepada barisan pensyarah muda yang dinamik justeru mereka perlu bersiap siaga dengan ilmu dan pengalaman untuk menggalas tanggungjawab universiti suatu hari nanti.

Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah berkongsi rasa dan aspirasi dengan pensyarah muda untuk bangkit bersama-sama menjayakan agenda besar negara.

Haim Hilman berkata, kerjaya seorang pendidik bukan pada pangkat tetapi pada kesungguhan dan ketulusan hatinya untuk menjadi sebahagian pasukan yang membina negara bangsa.

“Jadilah pendidik yang disebut-sebut orang sepanjang zaman seperti Ungku Aziz yang berperanan besar membangunkan negara dengan pemikiran tajam dan menyelesaikan masalah umat Islam misalnya menubuhkan Tabung Haji.

“Di luar sana di desa begitu ramai yang mendambakan ilmu jadi kitalah harapan mereka jangan tunggu mereka datang sebaliknya kita harus turun menyantuni dan mendidik mereka mengikut kepakaran yang ada,” ucapnya pada Majlis Perjumpaan Naib Canselor Bersama Pensyarah Muda 2022, di Dewan Seminar A, Pusat Konvensyen, semalam.

Beliau menyeru para pensyarah muda mendekati profesor yang perlu dilihat dari sudut ketinggian ilmu dan kepakaran yang dimiliki.

“Bergurulah dengan mereka, bertegur sapa, mintalah nasihat dan jika kurang ilmu belajarlah daripada mereka yang berpengalaman kerana tidak rugi sekiranya berakhlak mulia kerana kalian adalah masa depan universiti dan pembawa obor perjuangan universiti.

“Bangkit dan bersaing terus berusaha penuh semangat, berikan habis-habisan dengan hati yang ikhlas, jiwa kental. Jangan terlalu memikirkan diri sendiri tetapi fikirlah tentang anak bangsa. Merekalah masa depan kita yang akan meneruskan kelangsungan anak cucu kita.

“Sikap yang paling penting jangan memandang rendah pada guru dan orang lain yang telah melahirkan generasi yang berjaya kerana tidak ada rasa hormat yang tinggi dan ego hanya akan memusnahkan kalian,” ujarnya.

Beliau meletakkan harapan yang tinggi kepada barisan pensyarah muda dan menyeru agar bersiap sedia untuk mengambil alih universiti suatu hari nanti agar universiti kekal relevan.

Selain mengajar, pensyarah diingatkan untuk terlibat dalam aspek penerbitan, penyelidikan, menulis buku dan jurnal, memegang jawatan pentadbiran serta menjayakan program kemasyarakatan yang memberi nilai tambah.



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.